

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PELAKSANAAN CUKAI SST**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kesan pelaksanaan SST kepada rakyat Selangor?
- b) Begaimanakah Kerajaan Negeri membantu dalam mengurangkan beban pelaksanaan cukai tersebut?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Bas Smart yang diperuntukan untuk di seluruh Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah dengan kawasan luar bandar, adakah kemudahan yang sama kepada penduduk luar bandar terutamanya penduduk di kawasan Jeram yang mempunyai banyak kawasan kampung ?

**JAWAPAN:**

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 dengan sebelas (11) buah bas di tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) kini telah berjaya diperluaskan ke sebelas kawasan PBT yang lain di Negeri Selangor, kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai perkhidmatan bas percuma dikenali PJCitybus. Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan, Bas Smart Selangor kini mempunyai 30 laluan dengan 100 buah bas dan jumlah tersebut akan meningkat apabila dijangka penambahan 8 laluan baru akan diperkenalkan dengan 23 buah bas.
- b) Izinkan saya menjawab bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Pelabuan Klang yang bertanyakan soalan berkaitan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan luar bandar.

<b>No Soalan</b>	<b>Nama ADUN</b>	<b>Tajuk Soalan</b>
149	Pelabuhan Klang	<b>LALUAN BAS SMART SELANGOR</b>  a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah lebih banyak laluan Bas Smart Selangor terutamanya di dalam kawasan luar bandar DUN Pelabuhan Klang seperti Pulau Indah, Telok Gong, Kampung Pendamar, Kampung Idaman dan Pandamaran Jaya?

Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah menunjukkan maklumbalas yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat khususnya bagi penduduk di kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri juga akan sentiasa memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan tambahan laluan-laluan baru yang akan dilaksanakan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor iaitu:

- (a) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
- (b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
- (c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
- (d) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.

Bagi kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jeram dan Yang Berhormat Pelabuhan Klang, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah perlu melihat kesesuaian laluan berkenaan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan seterusnya mengemukakan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, berdasarkan kriteria, perkhidmatan Bas Smart Selangor tidak dapat disediakan sekiranya laluan tersebut telah mempunyai perkhidmatan bas komersil sedia ada ataupun faktor jalan raya yang sempit dan memerlukan bas bersaiz mini terutamanya bagi laluan di kampung-kampung kerana laluan-laluan yang dicadangkan masih perlu mendapatkan ulasan dan sokongan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaku badan yang bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan permit laluan serta kebenaran operasi bagi semua perkhidmatan bas termasuk di Negeri Selangor.

Namun demikian, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Daerah Kuala Selangor akan sentiasa mengambilkira keperluan yang terbaik untuk penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat, dengan mengambilkira segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk dikaji

semula serta membentangkan cadangan laluan yang bersesuaian sekiranya terdapat keperluan mendesak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PROJEK MENAIKTARAF BUMBUNG RUMAH FLAT  
TAMAN KEM MUKIM TELOK GADONG DAERAH KLANG**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek baikpulih rumah pangsa yang diumumkan oleh Kerajaan BN sebelum Pilihanraya Umum Ke-14 di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutamanya di Rumah Pangsa Taman Kem Pelabuhan Klang, Pangsapuri Taman Teluk Gedung Indah & Taman Permai Indah, Pandamaran Jaya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB. Tuan, projek baikpulih rumah pangsa yang diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan atau Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor. Status terkini bagi projek yang terlibat dalam kawasan Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:

**i- PELAKSANA : KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN**

<b>BIL.</b>	<b>PANGSAPURI</b>	<b>JENIS KERJA</b>	<b>TARIKH MULA</b>	<b>TARIKH SIAP</b>	<b>STATUS KERJA (SEHINGGA 20 OGOS 2018)</b>
1.	Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"><li>• Baiki Bumbung</li><li>• Ganti pam/ selenggara tangki air</li><li>• Pendawaian Elektrik</li></ul>	10/1/2018	2/3/2019	Dalam Pembinaan
2.	Permai Indah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Baikpulih lif</li><li>• Pemasangan sistem AVAS</li></ul>	21/5/18	16/6/2019	Dalam Pembinaan
3.	Blok B, Pendamar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Baikpulih lif</li><li>• Tangki Air/ Sistem Retikulasi</li></ul>	19/4/2018	15/5/2019	Dalam Pembinaan

ii- **PELAKSANA : PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI  
SELANGOR**

<b>BIL.</b>	<b>PANGSAPURI</b>	<b>JENIS KERJA</b>	<b>TARIKH MULA</b>	<b>TARIKH SIAP</b>	<b>STATUS KERJA (SEHINGGA 20 OGOS 2018)</b>
1.	Teluk Gedung Indah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bumbung</li></ul>			Ditangguhkan. Arahan JKR untuk lantik konsultan untuk kaji struktur tanah kerana terdapat pergerakan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PEMBINAAN JEJANTAS MOTORSIKAL MENGHUBUNGKAN JALAN PJS  
1 /26 DI TAMAN PETALING UTAMA MENYEBERANGI NPE**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini projek berkenaan?
- b) Berapakah kos sebenar pembinaan jejantas tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dari bahagian operasi telah mengeluarkan Surat Kebenaran Kerja (SKK) bertarikh 7 Mei 2018 dan bahagian wilayah tengah telah meluluskan permit kerja dan pelan pengurusan traffic pada 16 Julai 2018 dengan tempoh kerja bermula dari 31 Julai 2018 sehingga 29 September 2018. Kini pihak kontraktor dalam proses mendapatkan permit kerja mula kerja dari pihak Lebuhraya Baru Pantai (NPE) bagi kerja-kerja pengalihan tiang lampu jalan terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang kerja ditapak.

Bagi permit masuk tapak dari pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC), pihak kontraktor didalam proses penyediaan 'Bank Gurantee' bernilai RM300,000.00 di atas penama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Walau bagaimanapun pihak RAC memberi kebenaran memasang hording dan meletakkan '*site cabin*' terlebih dahulu

Bagi permit masuk tapak dari pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC), pihak kontraktor didalam proses penyediaan 'Bank Gurantee' bernilai RM300,000.00 diatas penama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Walau bagaimanapun pihak RAC memberi kebenaran memasang hording dan meletakkan '*site cabin*' terlebih dahulu.

- b) Mengikut Surat Setujuterima Tender bernilai RM4,584,450.25 (Tidak termasuk GST)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perkembangan terkini pelaksanaan projek tersebut?
- b) Sejauh manakah projek tersebut memberi impak pertumbuhan ekonomi kepada Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bahawa peratus kemajuan pembinaan jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) yang terlibat di negeri Selangor sehingga Ogos 2018 adalah sebanyak 52%. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan secara berperingkat mengikut seksyen seperti berikut:

<b>SEKSYEN</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>KETERANGAN KERJA</b>	<b>PERATUS</b>
1	Banting – South Klang Valley Expressway (SKVE)	Kerja-kerja tanah, struktur jambatan dan kerja-kerja turapan jalan	44.61%
2	SKVE – KESAS	Kerja-kerja tanah dan turapan jalan	35.96%
3	KESAS – NKVE/FRH2	Kerja-kerja pembersihan tapak, pengorekan dan pemindahan sampah sarap	45.86%
4	NKVE/FRH2 – New North Klang Straits Bypass (NNKSB)	Kerja-kerja pengorekan tanah dan kerja konkrit	93.66%
5	New North Klang Straits Bypass (NNKSB) - Kapar	Kerja-kerja pembinaan <i>pilecap, column, parapet, ground beam</i> , kerja-kerja menanam <i>spun pile</i> dan <i>prefabricated vertical drain</i>	81.84%
6	Kapar – Assam Jawa	Kerja-kerja memasang <i>rip-rap</i>	31.27%



SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		pembentong , kerja-kerja konkrit dan penyelenggaraan <i>sediment basin</i> .	
7	Assam Jawa – Tanjung Karang	Kerja-kerja ukur tanah, pembersihan tapak	11.39%

Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 23/2018 yang diadakan pada 1 Ogos 2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 24/2018 pada 8 Ogos 2018 bersetuju LLM memulakan pelaksanaan pembinaan Seksyen 7 Lebuhraya WCE mengikut Opsyen 1 bermula Julai 2018.

- b) Projek pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat ini berupaya meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk setempat di mana bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan termasuk dalam sektor penyelenggaraan lebuhraya dan perniagaan di kawasan rehat dan rawat. Ianya juga dapat merangsang pembangunan sosio ekonomi sepanjang koridor lebuhraya. Lebuhraya ini juga akan memberikan limpahan pembangunan kepada penduduk sekitar di tambah dengan peningkatan nilai hartanah di sepanjang 93.8 km jajaran baru bermula dari Banting ke Tanjung Karang manakala menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) sedia ada sepanjang 50 km bermula dari Tanjung Karang ke Hutan Melintang yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Disamping itu juga, laluan ini menyediakan laluan alternatif yang lebih selesa, cepat, dan selamat ke utara dan selatan melalui pantai barat. Selain itu, ianya juga menyumbang ke arah perkembangan sektor pelancongan, ekonomi serta industri kecil dan sederhana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PEMBAKARAN TERBUKA DI TANAH PERSENDIRIAN**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes pembakaran terbuka yang telah diterima dan diselesaikan sepanjang tahun 2017?
- b) Apakah cadangan pihak Kerajaan Negeri dalam memastikan kes-kes ini tidak berulang?
- c) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri terutama di Kampung Johan Setia?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kes pembakaran terbuka yang diterima dan diselesaikan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak 1,064 kes yang terdiri daripada pembakaran di tapak pembinaan, tapak pelupusan sampah haram, ladang, kebun, hutan, belukar dan pembakaran sampah di kawasan perumahan, tepi jalan dan tepi sungai. Daripada keseluruhan kes tersebut, sebanyak 96 kes merupakan aduan bagi punca yang sama membabitkan kawasan di Johan Setia, Klang, tapak sampah haram di Ulu Yam, dan kawasan Bukit Lanchong, Shah Alam.
- b) Bagi memastikan kes pembakaran terbuka tidak berulang, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:-
  - (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh JAS dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka;
  - (ii) JAS menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;

- (iii) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Penguatkuasaan Khas bagi mencegah pembakaran terbuka di bawah Majlis Perbandaran Klang bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hujau, Johan Setia, Klang;
  - (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “checkdam” dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
  - (v) Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang telah berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
  - (vi) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
  - (vii) Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan
  - (viii) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.
- c) Bagi kawasan Johan Setia, sebanyak 33 kes pembakaran terbuka telah dikesan pada tahun 2017 dan 100 aduan kes pembakaran terbuka dikesan pada tahun 2018 bagi tempoh sehingga 19 Ogos 2018. Pada tahun 2011 sehingga tahun 2017, sebanyak 47 kes telah diambil tindakan mahkamah kerana melakukan kesalahn pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia. Sebanyak 4 kes telah disediakan Kertas Siasatan terhadap kesalahan melakukan pembakaran terbuka

untuk diambil tindakan mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada tahun 2018, manakala kes-kes yang lain dikenakan tindakan kompaun, Notis Arahan atau surat amaran.

Untuk makluman, keputusan Mesyuarat EXCO Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) Bil 22/2008.

- (i) Majlis Perbandaran Klang (MPK) diminta mewujudkan Unit Pemantauan Pembakaran Terbuka untuk memantau, mencari kaedah untuk menghalang dan mencegah kebakaran dan mengambil tindakan ke atas pihak yang melakukan pembakaran di kawasan tersebut. MPK diminta menyediakan kertas kerja untuk permohonan peruntukan bagi menghalang kebakaran dan cadangan penggunaan tanah.

Ketetapan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 30/2012

- (i) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 30/2012 yang telah bermesyuarat pada 15 Ogos 2012 telah bersetuju supaya merampas tanah terbiar yang berlaku pembakaran di kawasan Johan Setia, Klang; dan
- (ii) Pejabat Daerah/ Tanah Klang diarahkan menubuhkan task force bagi mengambil tindakan tersebut.

Bagi perancangan jangka panjang di kawasan Johan Setia, pada tahun 2018 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pengezonan semula Kawasan Pertanian Revolusi Hijau Johan Setia bagi sebahagian kawasan, pemilik tanah boleh mengemukakan permohonan tukar syarat tanah kepada pembangunan komersil atau pembangunan bercampur mengikut Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : TANAH PERTANIAN DI SUNGAI KELAMBU, KUALA LANGAT**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tanah rizab Hutan Simpanan Kuala Langat Selatan di kawasan Sungai Kelambu, Kuala Langat telah lama diguna untuk tujuan pertanian tanaman kontang, ubi dan sebagainya. Apakah rancangan Kerajaan untuk membenarkan aktiviti-aktiviti pertanian ini diteruskan?

**JAWAPAN:**

- a) Kawasan yang dimaksudkan ialah Kompt.47, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang mana ianya telah lama diceroboh oleh penduduk sekitar untuk aktiviti tanaman kontan seperti jagung, halia, kunyit, ubi keledak dan ubi kayu. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang merangka program pemutihan ke atas kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diceroboh itu. Maklumat mengenai sebahagian kawasan yang terlibat telah diperolehi. Program pemutihan ini akan dilaksanakan secara berperingkat melalui pendekatan kaedah perhutanan tani (*Agro Forestry*) dengan mengenakan permit penggunaan selaras dengan prosedur dan tatacara yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : INDUSTRI 4.0**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah atau program-program yang dibuat untuk membantu industri sederhana kecil di Selangor untuk bersedia menghadapi Industri 4.0?
- b) Berapakah kawasan industri di Selangor yang tidak mempunyai akses kepada internet laju (fibre)?
- c) Apakah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk (a) untuk 2016-2018?

**JAWAPAN:**

- a) **Revolusi Perindustrian Keempat (*Fourth Industrial Revolution*)** melibatkan automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini dan memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing. Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi system, penggunaan robotic dan cloud yang bakal merencanakan lagi kemajuan landskap dunia moden dan teknologi.

Antara langkah-langkah atau program-program yang dirancang dan dilaksanakan bagi membantu pihak Industri Kecil dan Sederhana untuk menghadapi Industri 4.0 adalah seperti berikut;-

- i. Invest Selangor dan Invest Bavaria telah menandatangani MoU pada 18hb Mei 2017 di German dan sebagai usaha seterusnya "**Bavaria Industry 4.0 Workshop**" program telah diadakan pada 21hb Ogos 2017, bertempat di Istana Selangor. Workshop ini dihadiri oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam Industry 4.0 dari German dan juga syarikat-syarikat IKS dari Selangor.
- ii. Pada 22hb Mei 2017, Invest Selangor Berhad telah menandatangani **MoU bersama State Government of Victoria, Australia** di Istana Selangor. MoU ini dilihat sebagai satu madah bagi kerjasama antara pemain industri

Selangor dan Melbourne terutamanya dalam 9 pilar utama revolusi industry 4. Hasil daripada MoU ini, pihak Invest Selangor telah dapat membantu sebuah syarikat di Selangor iaitu CSL Blockchain Technology yang menghasilkan “*bitcoin*” dan juga aktiviti “*cryptocurrency mining*” untuk mengkomersialkan dan menyenaraikan syarikat mereka di *Australia Stock Exchange* pada tahun ini.

- iii. **“Networking Dinner In Conjunction With The UK Mega Technology Mission To Selangor”** telah diadakan pada 10hb Oktober 2017 bertempat di Istana Selangor. Program ini menemukan para pemain industri dari UK dan Selangor terutamanya dalam sektor IoT, analisis & big data, fintech, telecommunication, cybersecurity, cloud dan data analytics. Invest Selangor telah menyediakan platform B2B ataupun *business-to-business* supaya syarikat-syarikat IKS dari negeri ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan syarikat berteraskan berteknologi tinggi untuk pemindahan teknologi yang berteraskan Industri 4.0 pada masa hadapan.
- iv. Bagi memastikan institusi pendidikan juga bersedia mengharungi revolusi ini, pihak Invest Selangor Berhad telah menghubungkan kerjasama diantara UNISEL dan juga Universiti Malaya. Dalam pada masa yang sama, pihak Invest Selangor telah juga mengadakan sesi dialogue di antara syarikat-syarikat IKS yang mempunyai potensi di dalam Industri 4.0 seperti DreamEdge dan juga Robopreneur dengan universiti-universiti yang disebutkan seperti di atas.
- v. Pada 4hb. September 2018, pihak PKNS Akedemi telah menjalinkan kerjasama dengan Invest Selangor Berhad bagi mengadakan program **“Seminar Embracing Industry 4.0”**.
- vi. Invest Selangor juga merupakan ahli kepada *Industry 4.0 Consortium* yang telah diwujudkan oleh SHRDC dimana konsortium ini menyediakan peluang / platform untuk industri dan syarikat-syarikat MNC, syarikat-syarikat IKS, pihak kerajaan dan juga akademik untuk mengadakan sesi dialogue berkenaan hala tuju, strategi dan juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh semua pihak berkenaan Industri 4.0 pada masa hadapan.
- vii. Dalam menyediakan kemudahan infra, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor bekerjasama dengan pihak TM untuk menaiktaraf

kemudahan internet jalur lebar di kawasan-kawasan perindustrian yang ada di Negeri Selangor.

- b) Berdasarkan rekod pihak TM, masih terdapat **60 kawasan perindustrian** yang masih belum ada infra kelajuan tinggi.

Namun begitu, pihak TM telah mempunyai perancangan dari tahun 2018 hingga 2022 untuk menaiktaraf kemudahan Internet berkelajuan tinggi secara berperingkat.

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sejumlah RM18.85 juta bagi tempoh 2016-2018 khusus untuk membantu industri kecil dan sederhana di negeri ini.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang berlesen di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri memastikan setiap pusat tersebut mematuhi peraturan ditetapkan?
- c) Nyatakan jumlah lesen yang ditarik semula dan sebabnya.

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempertimbangkan permohonan pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengikut daerah di mana TASKA berkenaan beroperasi. Jumlah TASKA berdaftar mengikut daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL. TASKA</b>
1.	Petaling	347
2.	Klang	93
3.	Hulu Langat	226
4.	Gombak	129
5.	Sepang	90
6.	Kuala Selangor	41
7.	Hulu Selangor	88
8.	Kuala Langat	76
9.	Sabak Bernam	11
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,011</b>

**Jadual 1: Jumlah TASKA Berdaftar Di Negeri Selangor Sehingga Mulai 2013 hingga  
Julai 2018**

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berperanan untuk memastikan setiap Pusat Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA mematuhi peraturan yang ditetapkan:
- i. Pemantauan dan lawatan ke atas TASKA akan dilakukan sebanyak 2 kali setahun oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK). PDBK akan mengemukakan Laporan Pemantauan dan akan membuat teguran jika terdapat sebarang ketidakpatuhan di dalam pengurusan TASKA berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.
  - ii. Mana-mana pengusaha yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 ini boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap TASKA adalah arahan bertulis, tutup sementara, kompaun, pendakwaan, pembatalan perakuan dan lak. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 69 tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan JKM Negeri Selangor terhadap TASKA berdaftar dan tidak berdaftar yang merangkumi 4 kes pendakwaan, 5 kes lak, 6 kes kompaun, 2 kes tutup, 15 kes Arahan Bertulis dan 37 kes Batal Perakuan.
- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tempoh Januari hingga Julai 2018, sebanyak 22 perakuan TASKA telah dibatalkan. Berikut merupakan sebab pembatalan perakuan TASKA:
- i. Jika terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan apa-apa pendaftaran yang dibuat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984;
  - ii. Jika Pengendali pusat jagaan telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 atau kesalahan yang melibatkan Fraud atau keburukan akhlak;
  - iii. Jika pengendali yang memohon supaya pendaftaran dibatalkan akibat daripada penutupan operasi premis; dan
  - iv. Jika PDBK mendapati TASKA tidak wujud lagi atau memberhentikan pengoperasian sebagai TASKA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : CADANGAN PELEBARAN JALAN MASUK KAMPUNG TELOK GONG,  
PELABUHAN KLANG**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri supaya kerja-kerja menaiktaraf dan pelebaran jalan utama (Jalan Negeri B148) sepanjang 6 KM dari Glenmarie Cove sehingga Persiaran Jalan Ikan Tenggiri, Telok Gong dapat dijalankan secepat mungkin bagi memastikan kelancaran trafik?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Kerajaan Negeri melalui JKR Selangor sebagai jabatan pelaksana telah melantik pihak perunding bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk di mana kerja-kerja awalan seperti kerja-kerja ukur, kerja-kerja penyiasatan tanah, kajian impak lalulintas (traffic impact assessment), audit keselamatan jalan (road safety audit), pemetaan utiliti bawah tanah dan penilaian turapan jalan (pavement evaluation) telah selesai dilaksanakan dengan kos keseluruhan berjumlah RM316, 905.66.

Pihak JKR Selangor mengambil langkah melaksanakan pemantauan kerja pihak perunding secara berkala bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual. Status terkini, pihak perunding sedang melaksanakan rekabentuk dan projek ini dijangka tender pada awal tahun 2019 dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : SKIM RAWATAN JANTUNG NEGERI SELANGOR**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor mengikut daerah.
- b) Adakah pesakit jantung yang pernah menerima rawatan juga layak memohon skim ini?
- c) Adakah skim ini akan diteruskan pada tahun depan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima bagi Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor sehingga 19 Ogos 2018 sejak dilancarkan pada 26 Februari 2018 adalah seramai 214 orang yang mana telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RMM3,158,305.57. Daripada jumlah tersebut, seramai 52 orang pesakit telah menerima bantuan di antara RM20,000.00 sehingga RM299,845.00 seorang. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

<b>DAERAH</b>	<b>BIL PESAKIT</b>
PETALING	56
KLANG	55
HULU LANGAT	38
GOMBAK	30
KUALA LANGAT	10
SEPANG	8
KUALA SELANGOR	7
HULU SELANGOR	6
SABAK BERNAM	4
JUMLAH	214

- b) Pesakit jantung yang pernah menerima rawatan sama ada di IJN atau di hospital lain adalah layak memohon bantuan di bawah skim ini sekiranya terdapat

keperluan dan menepati syarat kelayakan. Namun begitu, Kerajaan Negeri hanya akan menanggung rawatan yang dilaksanakan di IJN sahaja.

- c) Kerajaan Negeri sedang berbincang bersama Kerajaan Pusat untuk meyelaras semula semua peruntukan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa sebahagian program kesihatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini perlu ditanggung oleh Kerajaan Pusat kerana kesihatan merupakan "Federal List". Walaubagaimanapun, keputusan samada program ini diteruskan atau tidak adalah tertakluk kepada hasil perbincangan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MEMPROMOSI HUTAN REKREASI**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan hutan-hutan rekreasi yang terdapat di sekitar DUN Taman Templer?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri adalah sangat komited untuk melaksanakan sebarang usaha untuk mempromosikan hutan rekreasi di Negeri Selangor dan khususnya di DUN Templer secara langsung dan berpanjangan kepada masyarakat setempat mahupun pelancong luar negara. Sebahagian daripada usaha yang telah pun dijalankan setakat ini termasuklah mengadakan kempen penjagaan alam semula jadi serta semangat cintakan alam sekitar yang bersih dan berkekalan. Sebagai contoh, pada 19hb Julai 2018 yang lalu Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan sokongan pihak swasta telah menganjurkan suatu acara yang dikenali sebagai Kempen '*Clean & Green*' iaitu suatu acara awam yang berkonsepkan '*Volunteer Tourism*'. Acara ini telah mendapat sambutan yang sangat baik serta mendapat liputan dari pelbagai agensi penyiaran tempatan.

Adalah difahamkan bahawa aktiviti sedemikian akan diteruskan di masa hadapan dengan penganjuran di skala yang lebih besar demi mewujudkan suatu kesedaran tentang penjagaan alam sekitar termasuk hutan rekreasi yang lebih bertenaga dan mendatangkan kesan positif yang mendalam di kalangan orang awam.

Di samping itu, Tourism Selangor juga turut menganjurkan pelbagai acara pertandingan kemahiran seperti Selangor *Photo Hunt* 2018 di beberapa kawasan tarikan utama pelancongan di Negeri Selangor. Taman Eko Rimba Kanching juga telah turut dipilih untuk menjadi salah satu lokasi berlangsungnya acara tersebut.

Tujuan inisiatif ini diadakan adalah untuk menarik minat pada peserta, penyokong dan penonton supaya datang ke kawasan hutan rekreasi ini berkongsi tentang kecantikan dan keunikan kawasan hutan rekreasi apabila mereka pulang kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : SYARAT-SYARAT PENUBUHAN TADIKA SWASTA**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk menubuhkan Tadika Swasta?
- b) Berapa banyak Tadika Swasta yang wujud di Negeri Selangor? Dan berapa yang berlesen dan yang tidak berlesen?
- c) Apakah kekangan pengusaha tadika yang menyebabkan mereka tidak dapat kelulusan untuk mendapatkan lesen untuk beroperasi?

**JAWAPAN:**

- a) Syarat-syarat yang diperlukan untuk menubuhkan tadika swasta adalah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Kaedah-Kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran 1972-P.U. (A) 414/72 Subseksyen 20(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) seperti berikut :
  - i. Pemohon perlu membuat permohonan rasmi ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).
  - ii. Melengkapkan borang permohonan (BPS1) bersama profil dan juga dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.
  - iii. Pemohon (Pengerusi), Guru Besar dan juga Ahli Lembaga Pengelola mestilah warganegara Malaysia.
  - iv. Menyediakan premis yang sesuai dan dibenarkan bagi tujuan penubuhan tadika.
  - v. Premis kediaman (lot tepi sahaja dibenarkan) dan perlu mendapat sokongan 10 orang jiran berhampiran.
  - vi. Premis perniagaan (penggunaan maksimum sehingga tingkat 2 sahaja dibenarkan).

- vii. Premis sebuah/bangunan yang telah disediakan oleh pemaju/telah diwartakan khas untuk tujuan pendidikan.
  - viii. Menyediakan segala kelengkapan untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai.
  - ix. Bagi kelulusan operasi sepenuhnya, penubuhan tadika WAJIB memenuhi keperluan, syarat dan mendapat sokongan penuh kelulusan dari agensi-agensi berikut:
    - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah masing-masing.
    - Pihak Bomba dan Penyelamat
    - Pihak Pusat Kesihatan Daerah
  - x. Wajib berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kecuali penubuhan tadika atas nama pertubuhan yang telah berdaftar.(ROS)
  - xi. Pengambilan pelajar hanya pada kohort umur 4, 5 dan 6 tahun sahaja.
  - xii. WAJIB menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
  - xiii. Semua tenaga pengajar WAJIB mendaftar dan mendapat Permit Kebenaran Mengajar.
- b) Jumlah tadika swasta yang telah berdaftar dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) secara atas talian di Negeri Selangor setakat 25 Ogos 2018 adalah sebanyak 2000 buah tadika.
- Pada masa ini, tiada rekod berkenaan tadika swasta yang tidak berdaftar. Tadika swasta yang tidak berdaftar akan dikenal pasti melalui aktiviti penguatkuasaan berdasarkan aduan awam atau penemuan secara tidak langsung.
- c) Kekangan yang dihadapi oleh pihak pengusaha bagi mendapatkan lesen untuk beroperasi, antaranya:
- i. Perlu memenuhi syarat dan peraturan bagi mendapatkan sokongan dari 3 agensi berkaitan yang telah ditetapkan.
  - ii. Tadika yang beroperasi di rumah kediaman, pengusaha perlu memohon Kebenaran Merancang (KM) bagi tujuan kelulusan tukar kegunaan bangunan (status kediaman kepada perniagaan).



- iii. Terdapatnya bantahan jiran serta aduan yang tidak menyokong penubuhan tadika di kawasan tersebut. (antara syarat untuk mendapat kelulusan Kebenaran Merancang)
- iv. Bagi premis bertingkat pula, wajib menyediakan laluan kecemasan dan tangga kecemasan.(syarat keselamatan pihak bomba).
- v. Bagi tadika yang beroperasi di premis perniagaan, perlu membuat permohonan dan mendapat kelulusan daripada Unit Kawalan Bangunan pihak berkuasa tempatan. Permohonan ini adalah untuk kelulusan perubahan / pengubahsuaian material dalaman premis.

Secara keseluruhannya, sekiranya pihak pengusaha dapat memenuhi segala syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM dan 3 buah agensi berkaitan, tiada sebarang isu atau masalah untuk pihak pengusaha mendapat kelulusan penuh operasi tadika berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : APLIKASI SMART SELANGOR PARKING**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jadual implementasi Aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) sehingga aplikasi tersebut dilaksanakan di seluruh Selangor?
- b) Apakah isu-isu yang telah timbul selepas SSP dilaksanakan di MBSA, MPAJ, MPS, MPKj dan MPSp?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani isu-isu dalam (b)?

**JAWAPAN:**

- a) Pada 1 Julai 2018, sebanyak enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telahpun menyertai dan menggunakan Aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) dengan jayanya. PBT tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
  - ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
  - iii. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
  - iv. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
  - v. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
  - vi. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Bagi meneruskan perancangan dan objektif untuk memudahcara pembayaran parkir kepada orang ramai menerusi satu aplikasi untuk seluruh Selangor, pihak SSDU telahpun mengenalpasti beberapa PBT lain yang boleh menggunakan aplikasi SSP ini seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada persetujuan PBT berkenaan dan pihak pemegang konsesi parkir di situ iaitu Godell Sdn Bhd.

Penyertaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) pula adalah tertakluk kepada persetujuan daripada pihak MPK dan pembangun aplikasi Smart Parking MPKlang iaitu Aim-Force Software Sdn Bhd.

Tiada keperluan untuk parkir berbayar di MDSB, MDHS dan MDKS buat masa kini.

- b) Di antara isu-isu utama yang wujud selepas pelaksanaan Aplikasi SSP ini adalah seperti berikut:
  - i. Rungutan rakyat berkaitan penggunaan aplikasi SSP yang masih belum menyeluruh ke seluruh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
  - ii. Aduan berkaitan caj transaksi sebanyak RM1.00 yang dikenakan kepada pengguna untuk setiap tambahan kredit tambah nilai
  
- c) Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh pihak SSDU bagi menangani isu-isu utama tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Pihak SSDU sedang berusaha mendapatkan persetujuan daripada pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) untuk PBT ini menyertai pelaksanaan dan penggunaan aplikasi SSP.
  - ii. Pihak SSDU telahpun merangka perancangan promosi secara berkala bagi memberikan makluman kepada orang ramai kewujudan aplikasi SSP ini. Namun, promosi yang paling berkesan hanya dapat dilakukan apabila SSP ini dapat digunakan secara menyeluruh di seluruh negeri Selangor.
  - iii. Caj transaksi yang dikenakan adalah merupakan caj transaksi yang biasa dikenakan oleh pihak penyelia gerbang pembayaran. Walau bagaimanapun, pihak SSDU sedang merancang untuk mengecualikan caj transaksi tersebut kepada pengguna yang melakukan tambah nilai untuk RM100.00 ke atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara pengiraan cukai taksiran kawasan perindustrian di setiap daerah?
- b) Bagaimana untuk memastikan pembangunan perindustrian di Daerah Gombak dapat persaingan dengan daerah lain yang mempunyai kelengkapan infrastruktur yang lebih lengkap seperti jeti, lapangan terbang dan landasan kereta api?

**JAWAPAN:**

- a) Pengiraan cukai taksiran bagi pegangan di kawasan perindustrian di PBT Negeri Selangor adalah berasaskan kepada kaedah Nilai Tahunan iaitu anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi oleh pemilik sekiranya disewakan mengikut aras tahunan dan didarabkan dengan kadar cukai. Aras tahunan dan kadar cukai adalah berdasarkan kelulusan Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 130 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

\*Cukai Taksiran = Nilai Tahunan x Kadar Cukai

- b) Berdasarkan statistik pelaburan dalam kelulusan projek perkilangan bagi tempoh Januari hingga Mac 2018 yang dikeluarkan oleh pihak MIDA, Daerah Gombak merekodkan sebanyak 3 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM 58,245,431.00 Dari nilai ini sebanyak RM 5,173,401 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 53,072,030.00 adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 39 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada projek perkilangan yang diluluskan ini. Kelulusan-kelulusan projek perkilangan ini tertumpu di kawasan Rawang.

Secara dasarnya, kedudukan daerah Gombak yang terletak lebih kurang 58 km daripada Pelabuhan Klang dan 80 km daripada KLIA serta dihubungkan dengan jaringan lebuh raya utama seperti Lebuh Raya Utara Selatan, Lebuh Raya Guthrie dan direntasi oleh beberapa lebuh raya lain menjadikan daerah Gombak sebagai lokasi yang amat strategik sebagai destinasi pelaburan utama di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sentiasa berkerjasama dengan jabatan teknikal yang lain seperti pihak JKR, TM, TNB dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk menaiktaraf kemudahan infra yang sedia ada di kawasan Daerah Gombak berdasarkan keperluan semasa untuk kemudahan para pelabur.

Dalam memastikan kebajikan para pelabur dipelihara, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor, sentiasa meneruskan pelaksanaan program-program menyantuni pelabur dengan mengadakan program networking dan sesi pertemuan dengan pelabur -pelabur bagi mengeratkan hubungan antara pihak industri dengan Kerajaan Negeri dan jabatan teknikal disamping mendapatkan maklum balas berkenaan permasalahan yang dihadapi.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri sentiasa membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

Bagi memastikan kawasan industri diselenggara dengan sempurna dan menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif, Kerajaan Negeri telah menyediakan peratusan peruntukkan secara khusus bagi penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan pula sentiasa mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengambilalihan SPLASH dan penstrukturan semula Air Selangor?
- b) Adakah tarif air akan naik selepas penstrukturan ini selesai?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 2, 143, 173, 174 dan 177.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI KAMPUNG MELAYU SUBANG**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah meluluskan permohonan Peruntukan Pembangunan Negeri bagi menjalankan Projek Tebatan Banjir Kg Melayu Subang Di Sungai Pelempas Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1) berjumlah RM17 Juta.

Fokus utama projek ini adalah bagi menaiktaraf Sungai Pelempas sepanjang 2.1 km iaitu bermula di Taman Setia Warisan dan berakhir di kawasan Malaysia Airport (DCA). Skop projek melibatkan kerja-kerja pelebaran sungai bagi tujuan menambah kapasiti sungai sedia ada, pembinaan struktur tembok penahan banjir (floodwall), kerja-kerja pengukuhan tebing (*river bank protection*) serta kerja-kerja menaiktaraf sistem outlet di sepanjang jajaran sungai.

Status pelaksanaan projek ini adalah sebagaimana berikut:

Kontraktor	:	Ikha Ventures Sdn Bhd
Harga Kontrak	:	RM15,136,660.08
Tarikh Milik Tapak	:	13 April 2016
Tarikh siap asal	:	11 Oktober 2017
Lanjutan Masa 1	:	5 Oktober 2018
Status Jadual	:	96%
Status Sebenar	:	64%
Lewat	:	32%

Punca utama kelewatan projek ini adalah isu perobohan penempatan di dalam rezab sungai iaitu sebanyak 47 struktur dan juga isu pengambilan balik tanah yang melibatkan 19 lot hakmilik. Isu-isu ini masih belum selesai sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SUMBANGAN KEPADA NGO DARI KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah telah terdapat program sokongan atau pemberian geran tertentu kepada badan-badan sukarelawan seperti Bomba Sukarela dalam Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil sikap yang terbuka dan rasional terhadap pandangan dan idea yang membina daripada golongan badan bukan kerajaan (NGO) serta sentiasa mengiktiraf peranan serta sumbangan mereka dalam usaha membangunkan Negeri Selangor.

Bermula tahun 2014, melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 18/2014 yang diadakan pada 21 Mei 2014 dan disahkan oleh MMKN Ke 19/2014 pada 4 Jun 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukan RM500,000.00 di bawah vot Program Pemberian Sumbangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) pada setiap tahun dengan nilai sumbangan RM5,000.00 bagi setiap permohonan daripada NGO.

Pemberian sumbangan ini diteruskan dan melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 18/2016 yang bersidang pada 1 Jun 2016 dan disahkan pada di Mesyuarat MMKN Ke 19/2016 pada 8 Jun 2016, peruntukan sejumlah RM500,000.00 di bawah kod P.01-08003-Bantuan NGO telah diagihkan dan diberikan secara sama rata kepada lima (5) portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Negeri sebanyak RM100,000.00 bagi setiap portfolio yang terlibat bagi setiap tahun adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>PORTFOLIO</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
1.	Kerajaan Prihatin	RM100,000.00
2.	Kebajikan	RM100,000.00
3.	Pembangunan Generasi Muda	RM100,000.00



<b>BIL</b>	<b>PORTFOLIO</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
4.	Pendidikan	RM100,000.00
5.	Hal Ehwal Agama Islam	RM100,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM500,000.00</b>

Secara tidak langsung, pemberian bantuan NGO ini dapat menunjukkan penglibatan dan sokongan serta memperluaskan jaringan komunikasi antara Kerajaan Negeri dengan NGO yang berkaitan dalam melaksanakan aktiviti atau program kebajikan yang telah dirancang.

Melalui program ini, kelulusan sesuatu permohonan adalah berdasarkan kriteria kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam garis panduan penggunaan peruntukan Bantuan NGO seperti berikut :-

1. Tujuan penubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mestilah bertujuan kebajikan dan tidak berorientasikan keuntungan.
2. Sumbangan oleh Kerajaan Negeri kepada NGO tidak melebihi RM5,000.00 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
3. Permohonan yang melibatkan kepentingan NGO dan kurang memberi manfaat kepada masyarakat setempat akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan. Contohnya: Lawatan sambil belajar atau majlis makan malam hanya untuk ahli NGO sahaja.
4. Setiap Badan Bukan Kerajaan (NGO) hanya layak untuk membuat satu permohonan sahaja dalam tempoh setahun.
5. Segala bentuk permohonan yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah tidak layak memohon.
6. Permohonan oleh kelab-kelab di bawah Universiti yang menggunakan satu akaun yang sama adalah layak memohon.
7. Permohonan yang dikemukakan oleh DUN / Parlimen / JKK / Pembangunan Luar Bandar (PLB) adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perbelanjaan keseluruhan bagi PTRS untuk 2015-2017 per capita (perbelanjaan dibahagikan dengan bilangan pelajar)?
- b) Adakah Kerajaan berpuas hati dengan hasil (outcome) program ini dan apa sebabnya?
- c) Apakah bandingan kos jika pelajar berkelayakan diberi voucher untuk menghadiri kelas tuisyen swasta?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi PTRS untuk 2015-2017 per kapita adalah sebanyak RM642.00 setahun dengan anggaran jumlah pelajar maksimum adalah sebanyak 16,800 orang bagi tahun 2015-2017.
- b) Secara keseluruhan Kerajaan Negeri berpuas hati dengan (*outcome*) program ini berdasarkan peratus pencapaian keputusan peperiksaan sebenar para pelajar. Berdasarkan analisis pencapaian SPM bagi mata pelajaran yang ditawarkan dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor jumlah pelajar yang lulus dalam 4 mata pelajaran tersebut adalah sebanyak 82.8% dibandingkan dengan jumlah pelajar yang mendapat gred G atau gagal iaitu sebanyak 17.12%. Namun begitu penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan dengan penglibatan daripada pelbagai pihak dalam menjayakan PTRS.
- c) Kerajaan Negeri akan membuat kajian berhubung isu ini. Berdasarkan peruntukan yang telah diberikan Kerajaan Negeri perlu membelanjakan sebanyak RM80.00 sebulan untuk setiap pelajar bagi 4 buah mata pelajaran dalam tempoh masa selama 5 jam seminggu. Jika dibandingkan dengan sebahagian pusat tuisyen sedia ada kos untuk 4 buah mata pelajaran SPM adalah sebanyak RM180.00 sebulan.

Selain itu PTRS juga merupakan antara usaha Kerajaan Negeri untuk mengupayakan pusat-pusat komuniti rakyat dengan untuk dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : WARGA IBU DI SELANGOR**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif ataupun publisiti Kerajaan Negeri Selangor bagi mengalakkan pendaftaran ibu-ibu tunggal dengan sistem e-Bu?
- b) Adakah kita mempunyai perancangan untuk menyediakan kemudahan nurseri dan tadika di semua bangunan negeri? Jika ya, apakah garis masa untuk perancangan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Sistem e-Bu yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) sebagai pengendali sistem tersebut merupakan inisiatif awal Kerajaan Negeri dalam mengumpul maklumat bilangan ibu tunggal yang tinggal di Selangor. Maklumat ini digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan jemputan ke program-program berkaitan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga agar golongan ini tidak terpinggir dalam arus pemberdayaan wanita di Selangor. Sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat, sehingga 27 Ogos 2018, sejumlah 17,945 ibu tunggal telah mendaftarkan diri pada sistem e-Bu tersebut.

Kerajaan Negeri buat masa ini bercadang untuk melihat semula keperluan sistem e-Bu ini dengan mengambilkira maklumat ibu-ibu tunggal sedia ada ini untuk dimasukkan ke dalam sistem e-Kasih iaitu sebuah sistem pangkalan data bantuan berpusat yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan agar golongan ibu tunggal ini tidak keciciran dalam mendapat bantuan-bantuan yang berkaitan selain daripada tujuan penyeragaman, pemantauan dan pemberian bantuan oleh pihak Kerajaan.

- b) Penyediaan kemudahan nurseri dan taska di tempat kerja oleh pihak majikan amat diperlukan oleh para ibu bapa yang bekerja masa kini dalam memastikan anak-anak mereka mendapat pengasuhan yang berkualiti.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong penuh penubuhan taska di tempat kerja selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989 berkaitan kebajikan untuk anggota-anggota perkhidmatan awam berhubung penyediaan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak hendaklah diadakan di Kementerian/Jabatan/Agensi sekiranya bersesuaian.

Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, sehingga Julai 2018, sejumlah 31 buah taska di tempat kerja di Selangor telah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984.

Subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000.00 sebulan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.38 Tahun 2013) bagi sektor awam dan pelepasan cukai yang boleh dituntut dari Kerajaan (Pekeliling Jabatan Hasil Dalam Negeri bertarikh 15 Februari 1996) untuk pengecualian cukai 10 peratus selama 10 tahun bagi ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan untuk penyediaan taska oleh sektor swasta adalah antara insentif yang disediakan Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat.

Sehubungan itu, hasrat Kerajaan Persekutuan dalam mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh agensi perkhidmatan awam persekutuan dan negeri terutama agensi kerajaan yang melibatkan kerja secara syif menjelang tahun hadapan amat dialu-alukan dan disambut baik oleh Kerajaan Negeri yang akan turut sama memainkan peranan positif bagi memenuhi usaha murni ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, penubuhan sesebuah taska di tempat kerja memerlukan penelitian dari pelbagai sudut aspek yang melibatkan keperluan kesesuaian ruang dan peruntukan yang bakal terlibat dan perlu disediakan.

Selain daripada aspek fizikal tersebut, aspek tenaga kerja yang akan terlibat, pengisian ilmu kemahiran dan pengetahuan pengasuhan selain memenuhi keperluan yang termaktub di dalam akta yang berkaitan juga perlu dilihat dalam merealisasikan hasrat penyediaan kemudahan ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan sentiasa bersedia memberikan kerjasama erat kepada Kerajaan Persekutuan agar hasrat dalam menyediakan kemudahan nurseri dan tadika di semua agensi kerajaan dalam tempoh garis masa yang akan ditentukan kelak tercapai dengan penyampaian perkhidmatan asuhan terbaik untuk manfaat rakyat Malaysia amnya dan warga Selangor khususnya.